



MAJLIS DAERAH JELEBU  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada syarikat **KONTRAKTOR BUMIPUTERA** yang mempunyai **Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera** dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam Gred, Kategori Pengkhususan atau Kod Bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja seperti berikut:

BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH / HARGA / TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH / MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER
<b>NO. RUJUKAN TENDER</b> MDJ.1/TT/2/1-1/2022  MENYELENGGARA STRUKTUR PENAHAN CERUN DAN KERJA BERKAITAN DI JALAN BK2, JALAN BK3 & JALAN BK9, TAMAN BUKIT KEMPAS, JELEBU	(BUMIPUTERA)  GRED : G3  KATEGORI : CE  PENGKHUSUSAN : CE01 & CE21	<b>TARIKH DIJUAL</b> 5/5/2022 HINGGA 26/5/2022  <b>HARGA DOKUMEN</b> RM280.70 SENASKAH (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)  <b>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL</b> BAHAGIAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH JELEBU	<b>TARIKH TUTUP</b> 26/5/2022 JAM 12.00 TENGAHARI  <b>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER</b> PETI TENDER, BAHAGIAN KEJURUTERAAN & PEMBANGUNAN, MAJLIS DAERAH JELEBU

**SESSI TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN. SILA BERKUMPUL DI DEWAN D'SURY, KUALA KLAWANG, MAJLIS DAERAH JELEBU PADA 5/5/2022 JAM 10.00 PAGI**

1. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Taraf Bumiputera, SPKK dan CIDB dibenarkan hadir lawatan tapak atau sesi taklimat.
2. Dokumen Meja Tender boleh disemak pada waktu pejabat di Bahagian Kejuruteraan dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu semasa waktu pejabat. Dokumen Tender akan mula dijual mengikut tempoh sepertimana tarikh di atas sahaja. Sila lawati <http://www.mdjelebu.gov.my> untuk iklan tender ini.
3. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk tunai, kad debit/kredit, deraf bank, kiriman wang atau wang pos sahaja atas nama **Yang DiPertua, Majlis Daerah Jelebu** di lokasi pembelian yang dinyatakan di atas.
4. Dokumen Tender akan dijual kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Sehubungan itu, kontraktor (iaitu pemunya syarikat) dikehendaki hadir sendiri atau sekiranya menggunakan wakil, wakil tersebut hendaklah mempunyai surat pengesahan wakil dari kontraktor. Seorang wakil layak untuk membeli satu (1) naskah Dokumen Tender bagi satu (1) syarikat sahaja. Para petender yang ingin memasuki Tender hendaklah berdaftar dengan Majlis Daerah Jelebu sebelum atau pada 5/5/2022.
5. Semua sijil-sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Asal Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Kementerian Kerja Raya hendaklah dibawa bersama dan dikemukakan semasa pembelian Dokumen Tender. Sila sertakan satu salinan fotokopi sijil-sijil tersebut.
6. Tender ini akan ditutup pada jam 12.00 tengahari, **26/5/2022** bersamaan hari **KHAMIS**. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa Dokumen Tender dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan dicatatkan dengan tajuk kerja yang berkenaan di sebelah kiri-atas sampul surat sebelum dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Kejuruteraan Dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu, Tingkat 2, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada masa dan tarikh tutup yang dinyatakan tersebut.
7. Majlis Daerah Jelebu tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran lain. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi akibat Dokumen Tender yang lewat diterima atau tidak berada dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.
8. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan dan sebarang keputusan oleh Majlis Daerah Jelebu adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH JELEBU**